

17 DEC 2002

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR PULANG SELEPAS LAWATAN DUA HARI KE JEPUN

PETALING JAYA, 17 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali pulang ke tanah air malam ini selepas melakukan lawatan dua hari ke Jepun.

Mereka tiba di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang dengan pesawat eksekutif pada 10.35 malam.

Antara yang menyambut ketibaan mereka ialah Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Lawatan Perdana Menteri ke Jepun, atas jemputan rakan sejawatannya Junichiro Koizumi, adalah yang kedua tahun ini. Yang pertama pada Mei lepas.

Lawatan kali ini adalah sempena ulang tahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan oleh Dr Mahathir semasa beliau mula menerajui kerajaan dua dekad yang lalu.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah, yang mempunyai jadual lawatan yang padat di negara itu, juga berpeluang menghadap Maharaja Akihito dan Maharani Michiko di Istana Imperial.

Dr Mahathir turut menyampaikan dua ucapan semasa lawatan itu termasuk mengenai Dasar Pandang Ke Timur yang terbukti berjaya di Malaysia.

-- BERNAMA

SR HK NAK